



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PELANCARAN *ECO FOOD WASTE INITIATIVE*

Khamis, 27 Februari 2025

Kementerian Pembangunan, 27 Februari – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan telah mengadakan Majlis Pelancaran *Eco Food Waste Initiative* pada hari Khamis, 27 Februari 2025 di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan. Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.

Majlis didahului dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Yang Mulia Muhammad Hafiy bin Awang Noorsam diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi selaku pengerusi majlis.

Dalam ucapan alu-aluannya, beliau mengongsikan jumlah penghasilan secara global sisa makanan pada tahun 2022 adalah dianggarkan sebanyak 1.05 billion tan bersamaan dengan 132kg per kapita setahun di mana sebanyak 79kg per kapita sumber daripadanya ialah sisa makanan yang dihasilkan dari penduduk rumah seperti yang dicatatkan di dalam daripada laporan *United Nation Environment Programme (UNEP) Food Waste Index 2024*. Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali di mana menurut kajian komposisi sisa buangan pada tahun 2019, sisa makanan merupakan jenis sisa sampah yang terbesar dilupuskan di Tapak Pelupusan Sungai Paku, Daerah Tutong iaitu sebanyak 32 peratus daripada 500-600 tan jumlah sampah.

Beliau menambah, pelancaran *Eco Food Waste Initiative* ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan inisiatif amalan mesra alam terhadap sisa makanan dengan slogan *Plan.Eat.Save. Bite-Size Info Pack* iaitu pek maklumat juga turut diperkenalkan sebagai panduan bagi menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan tabiat mesra alam dalam mengurus sisa makanan.

Di samping itu, beliau juga mengongsikan beberapa program yang telah dirancang dan disusun oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bagi tahun 2025 hingga 2026 seperti program kempen kesedaran awam melalui media massa kini, program promosi *Eco Food Waste Initiative*, aktiviti kitar semula, program menempatkan mesin *food waste digester* di pusat membeli belah atau premis-premis yang bersesuaian, program mewujudkan platform digital applikasi sebagai penggalak kepada orang ramai untuk mengamalkan budaya 3R dan menerbitkan Buku Panduan Pengurangan Sisa Makanan khusus bagi orang ramai, restoran dan penyedia makanan untuk diterapkan di setiap rangkaian penyediaan makanan.

Acara diteruskan dengan Ucapan Tetamu Kehormat diikuti dengan perasmian pelancaran dan tayangan klip video *Eco Food Waste Initiative* dan *Bite-Size Info Pack*. Menurut beliau, inisiatif ini adalah langkah yang tepat dan perlu diberi perhatian sebagai usaha Kerajaan untuk meningkatkan pengurusan sisa buangan, khususnya sisa makanan, di Negara Brunei Darussalam ke arah yang lebih sistematik dan berdaya tahan. Isu sisa makanan adalah isu kompleks yang melibatkan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemprosesan, pembungkusan, pengedaran, dan penyediaan makanan. Jika tidak ditangani dengan baik, ianya boleh memberikan impak negatif kepada alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Beliau juga menekankan pentingnya sokongan terhadap pendekatan Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*) yang merupakan model kitaran bahan. Ini termasuk amalan pembelian makanan yang tidak berlebihan, pengeluaran makanan yang lebih sistematik, pengurusan pembuangan sisa makanan yang teratur, serta usaha mengitar semula sisa makanan menjadi bahan kompos. Bahan kompos yang dihasilkan daripada sisa makanan bukan sahaja lebih bernutrisi tetapi juga memberi sumbangan positif kepada hasil pertanian yang lebih mampan dan berkhasiat.

Acara seterusnya diikuti dengan penyampaian taklimat daripada Syarikat Biofield Solutions dan penyampaian *Eco Food Waste Information Pack* kepada wakil-wakil jemputan daripada agensi kerajaan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan; Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Pembangunan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta kakitangan-kakitangan kerajaan, sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan
Emel: jastre.epm@env.gov.bn

Rujukan: JASTRE/AS/WAS/EFWI-PT1 / (01)JASTRE/PR/2025

Pegawai Fokal:

- (i) Rodziah binti Haji Adnan (+673 8637017 / rodziah.adnan@env.gov.bn)
- (ii) Hajah Umami Farhanah binti Haji Talipudin (+673 7370965 / farhanah.talipudin@env.gov.bn)



جابتن عالم سكتير تامن دان ريكرياسي

DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION
MINISTRY OF DEVELOPMENT | BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE

LAUNCHING CEREMONY FOR ECO FOOD WASTE INITIATIVE

Thursday, 27 February 2025

Ministry of Development, 27 February – The Department of Environment, Parks and Recreation held the Eco Food Waste Initiative Launching Ceremony on Thursday, 27 February 2025 at Dewan Betabur, Ministry of Development. Present as the Guest of Honour was Yang Mulia Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Permanent Secretary, Ministry of Development.

The ceremony commenced with the recitation of Surah Al-Fatihah by Yang Mulia Muhammad Hafiy bin Awang Noorsam, followed by a welcoming speech from Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Director of Environment, Parks and Recreation, who served as the chairperson of the event.

In her welcoming speech, she shared that the global food waste generation in 2022 was estimated at 1.05 billion tons, equivalent to 132kg per capita per year, of which 79kg per capita originated from household food waste, as recorded in the United Nations Environment Programme (UNEP) Food Waste Index 2024 report. Negara Brunei Darussalam is no exception where according to a waste composition study in 2019, food waste is the largest type of waste disposed of at the Sungai Paku Engineered Landfill in the Tutong District, accounting for 32 percent of the 500-600 tons of total waste.

She added that the launch of the Eco Food Waste Initiative aims to introduce environmentally friendly practices for food waste with the slogan "Plan.Eat.Save." The "Bite-Size Info Pack" was also introduced as a guide to encourage the public to adopt environmentally friendly habits in managing food waste.

In addition, she also shared several programs that have been planned by the Department of Environment, Parks and Recreation for the years 2025 to 2026, such as public awareness campaign programmes through mass media, Eco Food Waste Initiative promotion programmes, recycling activities, programs to place food waste digester machines in shopping centers or suitable premises, programmes to create a digital application platform to encourage the public to practice the 3R culture, and the publication of a Food Waste Reduction Guidebook specifically for the public, restaurants, and food providers to be implemented in every food preparation chain.

The event continued with the Guest of Honour's speech, followed by the official launch and the screening of the Eco Food Waste Initiative and Bite-Size Info Pack video clips. According to her, this initiative is a timely and necessary step to be given attention as the Government's effort to improve Darussalam towards a more systematic and resilient waste management, particularly food waste, in Negara Brunei Darussalam. The issue of food waste is a complex issue involving stakeholders in food processing, packaging, distribution, and preparation activities. If not addressed properly, it can have negative impacts on the environment, society, and the economy.

She also emphasized the importance of supporting the Circular Economy approach, which is a material cycle model. This includes the practice of not over-purchasing food, more systematic food production, proper food waste disposal management, and efforts to recycle food waste into compost. The compost produced from food waste is not only more nutritious but also contributes positively to more sustainable and nutritious agricultural yields.

The event then proceeded with a briefing from Biofield Solutions Company followed with a presentation of the Eco Food Waste Information Pack to invited representatives from government agencies, the private sector, and non-governmental organizations.

Also present at the event were Yang Mulia Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Deputy Permanent Secretary (Infrastructure, Housing and Professional), Ministry of Development; Heads of Departments and Senior Officers from the Ministry of Development, Ministry of Primary Resources and Tourism, Ministry of Culture, Youth and Sports, as well as government staff, private sector representatives, and Non-Governmental Organizations.

-END-

Prepared by:

Department of Environment, Parks and Recreation
Ministry of Development
Emel: jastre.epm@env.gov.bn

Reference: JASTRE/AS/WAS/EFWI-PT1 / (01)JASTRE/PR/2025

Focal officers:

- (i) Rodziah binti Haji Adnan (+673 8637017 / rodziah.adnan@env.gov.bn)
- (ii) Hajah Ummi Farhanah binti Haji Talipudin (+673 7370965 / farhanah.talipudin@env.gov.bn)